

# PM hargai JKR banyak berjasa kepada rakyat

BH - 6/12/2020 m/s: 6

**Kuala Lumpur:** Malaysia berbangga dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai agensi teknikal terulung negara yang banyak berjasa kepada pembangunan infrastruktur negara, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sejak penubuhannya pada 1872, Perdana Menteri berkata, JKR melaksanakan pelbagai projek pembangunan infrastruktur sosioekonomi bernilai lebih RM500 bilion merangkumi jalan raya, sekolah, hospital, universiti dan bangunan kerajaan.

“Terbaharu, kepakaran JKR terbukti apabila membantu menyiapkan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) da-

lam tempoh tiga hari.

“JKR juga maju ke hadapan dengan teknologi terkini dengan mempelopori penggunaan Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM) dalam pelaksanaan projek yang akan memberi percambahan kepada pelaksanaan teknologi Revolusi Industri (IR) 4.0 berimpak tinggi.

“Terima kasih JKR yang banyak berjasa kepada rakyat,” katanya dalam perutusan khas sempena sambutan Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) 2020, semalam.

Muhyiddin berkata, HPTN ia disambut pada Sabtu pertama Disember setiap tahun sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan tertinggi negara kepada go-

longan profesion teknikal di Malaysia.

Katanya, sehingga kini Malaysia mempunyai 203,966 keanggotaan berdaftar dalam pelbagai bidang kemahiran berkaitan profesion teknikal.

“Ini membuktikan betapa profesion ini adalah segmen kritikal untuk pembangunan negara.

“Justeru, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, dan seluruh warga kementerian dan agensi di bawahnya atas kejayaan penganjuran HPTN 2020 tahun ini.

“Selamat menyambut Hari Profesion Teknikal Negara untuk semua,” katanya.

